

**NO SOALAN : 234**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL PERTAMA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN LIM LIP ENG  
[ KEPONG ]**

**SOALAN NO. 234**

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan rancangan untuk memperbaiki dan menaik taraf perkakasan dan peralatan di Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Jinjang. Berapa kali jentera BBP Jinjang menjalankan tugas setiap bulan pada tahun 2018 dan 2019 dan bilangan anggota di BBP Jinjang.

## NO SOALAN : 234

### **JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang diperkuatkan dengan keanggotaan seramai 52 orang pegawai bomba dan dilengkapi dengan 2 buah jentera bomba jenis *Fire Rescue Tender* (FRT), sebuah jentera *Emergency Medical Rescue Service* (EMRS) dan 3 buah kenderaan utiliti.
2. Pada masa ini kerja-kerja pembaikan sedang dibuat ke atas sebuah jentera FRT dan ia dijangka siap pada 10 Julai 2019. Dalam tempoh pembaikan tersebut, Bahagian Kejuruteraan Jentera, Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Kuala Lumpur menyediakan jentera gantian sementara bagi memastikan pengoperasian balai bomba tersebut berjalan lancar. Selain itu, bagi mengatasi masalah kekurangan jentera, bantuan dari 2 balai bomba yang terdekat iaitu Balai Bomba dan Penyelamat Hartamas dan Balai Bomba dan Penyelamat Sentul juga turut digerakkan.
3. Manakala perkakasan dan peralatan kebombaan seperti *Personal Protective Equipment* (PPE) di balai tersebut berada dalam keadaan yang baik dan boleh digunakan semasa kerja-kerja pengoperasian.
4. Pada tahun 2018, pasukan bomba dari Balai Bomba dan Penyelamat Jinjang telah menghadiri 254 kes kecemasan melibatkan kebakaran, penyelamatan dan khidmat khas iaitu purata 21 kes setiap bulan. Manakala dalam tempoh Januari hingga Jun 2019, sebanyak 175 kes kecemasan telah dihadiri dengan purata 29 kes setiap bulan.

Sekian, terima kasih.